

KENYATAAN MEDIA BERSAMA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA DAN PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA (WHO)

Hari Kesihatan Sedunia – Bersama Demi Kesihatan. Berdiri Teguh Berteraskan Sains

Sempena sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada 7 April 2026, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bersama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization – WHO) bagi Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura turut seiring dengan komuniti global dalam memperingati tarikh bersejarah ini melalui tema **“Bersama Demi Kesihatan. Berdiri Teguh Berteraskan Sains.”** Tema pada tahun ini menekankan kepentingan kerjasama saintifik dalam melindungi kesihatan manusia, haiwan, tumbuhan serta alam sekitar secara menyeluruh melalui pendekatan *One Health*.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI, KKM bertekad untuk memastikan sistem penjagaan kesihatan yang mampan, sentiasa mengutamakan rakyat dan berdaya tahan dalam menghadapi sebarang ancaman kesihatan global. Di bawah agenda Reformasi Penyampaian Perkhidmatan Kesihatan, Malaysia kini sedang memperkukuhkan landasan digital bagi memacu sistem kesihatan yang lebih terhubung, responsif dan berasaskan bukti. KKM terus menambahbaik pengendalian (*interoperability*) sistem, memperkasakan piawaian data kesihatan serta membangunkan platform bersepadu yang menggabungkan maklumat daripada perkhidmatan klinikal, makmal, sistem pengawasan, dan program kesihatan awam. Seiring dengan pendekatan ini, KKM juga memperluaskan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam amalan praktikal penjagaan kesihatan dan kesihatan awam. Inisiatif sedia ada merangkumi saringan, sokongan diagnosis, ramalan penyakit, serta pelaksanaan program kesihatan awam secara bersasar yang berteraskan kecekapan (*efficiency*), ketepatan (*accuracy*) dan ekuiti dalam perkhidmatan kesihatan.

Selaras dengan pendekatan *One Health*, Malaysia terus memperkukuhkan kerjasama merentas sektor kesihatan manusia, haiwan dan persekitaran. Inisiatif strategik seperti penganjuran Bengkel Penghubung Nasional IHR–PVS (*IHR–PVS National Bridging Workshop*) serta Semakan Pertengahan Penggal Pelan Strategik Kebangsaan bagi Zoonosis telah berjaya menghasilkan pelan tindakan kukuh bagi pelaksanaan *One Health* di seluruh negara, sekaligus meningkatkan penyelarasan dalam aspek keselamatan makanan, rintangan antimikrob (*antimicrobial resistance*) dan kesihatan persekitaran, serta memacu agenda keselamatan kesihatan Malaysia. Pemerksaan penggunaan data alam sekitar dapat menyokong penggubalan dasar berasaskan bukti, membolehkan penilaian impak kesihatan yang menyeluruh, memperkukuhkan perancangan adaptasi ke atas perubahan iklim dan memandu pelaburan ke arah sistem kesihatan yang lebih berdaya tahan serta persekitaran yang lebih sihat. Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad menyatakan: “Seiring dengan cabaran kesihatan yang semakin kompleks, respons kita mestilah lebih bijak, tangkas dan berteraskan sains. Melalui kerjasama strategik antara Malaysia dengan WHO, kita berdedikasi untuk memperkasakan advokasi kesihatan di persada dunia bagi menjamin masa depan yang lebih sihat dan selamat di landskap global. Di bawah Kerajaan MADANI, Malaysia terus melabur dalam sistem kesihatan yang lebih teguh, penggunaan data berasaskan bukti dan kolaborasi bermakna kerana setiap rakyat Malaysia berhak mendapatkan masa depan yang lebih sihat.” Dr. Rabindra Abeyasinghe, Wakil WHO ke Malaysia, Brunei Darussalam, dan Singapura menambah: “Sempena Hari Kesihatan Sedunia 2026 ini, WHO meneruskan kerjasama erat di Malaysia dengan semua agensi kebangsaan yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan serta rakan kongsi, melalui penerapan kuasa kolaborasi saintifik global untuk menangani cabaran kesihatan, melindungi komuniti dan memperluaskan akses saksama kepada penjagaan Kesihatan”

Kementerian Kesihatan Malaysia
Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)
7 April 2026